

30 SEP 1999

Mahathir-Timor

MALAYSIA MAHU ASEAN AMBIL ALIH TUGAS DARIPADA AUSTRALIA

Oleh: Amin Husaini Harun

NEW YORK, 30 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Asean patut mengambil alih operasi pengaman di Timor Timur daripada Australia yang dilihat agak keras dalam mengendalikan situasi di situ.

Perdana Menteri telah membangkitkan tindakan agresif atau seteru Australia itu semasa mengunjungi Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan sebelum beliau berucap pada Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) pada pagi Rabu.

Semasa bercakap pada sidang berita selepas menyampaikan ucapan itu, Dr Mahathir berkata beliau telah memberitahu Annan bahawa Australia sepatutnya mengurangkan pasukan negara berkenaan di wilayah yang dilanda masalah itu.

Penduduk Timor Timur majoritinya telah mengundi untuk merdeka daripada Indonesia dalam satu pungutan suara yang diadakan pada 30 Ogos.

"Saya membangkitkan perkara mengenai Australia yang agak keras dalam menangani masalah di Timor Timur dan saya rasa Australia perlu mengurangkan pasukannya dan membiarkan Asean mengambil-alih tanggungjawab pengaman dan mengendalikan dengan cara yang kurang agresif berbanding sekarang," katanya.

Semasa diminta menjelaskan tindakan seteru Australia itu, Perdana Menteri berkata: "Saya lihat gambar-gambar tentera Australia mengacukan senapang kepada hampir semua orang.

Adakah perlu untuk mengacukan senapang kepada orang yang memang nyata tidak bersenjata?" tanya beliau.

Dr Mahathir berpendapat terlampau banyak campur tangan dan tekanan digunakan oleh negara-negara besar barat yang beliau percaya ramai penduduk yang merasa terancam disebabkan.

Katanya Malaysia mengambil inisiatif ini tetapi ia tidak bermakna negara-negara Asean perlu menghantar satu pasukan tentera yang besar untuk menjalankan operasi ketenteraan di sana.

"Ada banyak cara lain dalam menyelesaikan masalah di Timor Timur daripada mengacukan senjata kepada orang ramai," kata Perdana Menteri.

Ditanya apakah jawapan Annan, Dr Mahathir berkata Annan menjelaskan bahawa Australia terpaksa menghantar satu pasukan yang besar kerana negara-negara lain tidak menghantar pasukan mereka ke sana.

"Bagaimanapun jika telah banyak pasukan tentera daripada negara-negara lain, maka adalah perlu untuk mengurangkan penyertaan Australia," menurut Annan.

Dr Mahathir mengulangi bahawa Indonesia sepatutnya tidak dipaksa mengadakan pungutan suara ketika Indonesia dalam kedudukan yang amat lemah dan menghadapi masalah di seluruh negara.

Pungutan suara itu diadakan tanpa memberi peluang kepada Indonesia untuk berkempen, tidak seperti di satu lagi pihak yang dijanjikan pelbagai jenis sokongan daripada pihak asing yang akibatnya penduduk Timor Timur kebanyakannya mengundi untuk kemerdekaan.

"Tentulah penduduk yang mahu menjadi sebahagian daripada Indonesia merasakan mereka telah ditipu dan mereka bertindak dengan satu-satunya cara yang mereka tahu. Tetapi kita terpaksa mengendalikannya dengan betul.

"Dengan menghantar satu pasukan besar tentera untuk mengawal keadaan, mungkin merupakan satu daripada penyelesaiannya, tetapi apabila kami, termasuk Malaysia, cuba menghalang perusuh daripada mengamuk dan membakar harta benda, kamera video akan dipasang.

Sebaik kami menyentuh seorang perusuh, ia akan disiarkan dalam CNN 24

jam sehari selama seminggu menunjukkan seolah-olah negara dalam keadaan tidak stabil," katanya.

Perdana Menteri berkata memandangkan kini terdapat satu pasukan besar di Timor Timur, pasukan tentera ini akan menggunakan kekerasan, tetapi kekerasan yang mereka gunakan tidak akan diiklankan sebagaimana cara orang lain yang menggunakan kekerasan diiklankan di seluruh dunia.

Mengenai kawalan matawang terpilih yang digunakan oleh Malaysia untuk menangani kegawatan ekonomi, Dr Mahathir mencadangkan bahawa ia boleh digunakan sebagai satu alternatif terhadap formula IMF.

"Mungkin tidak secara betul-betul mengikut apa yang Malaysia lakukan kerana kedudukan orang lain mungkin berbeza tetapi kawalan adalah satu daripada cara untuk mengatasi manipulasi matawang oleh kuasa luar," katanya kepada satu soalan sama ada Malaysia mahu mencadangkan cara yang dilakukannya kepada negara-negara lain yang menghadapi kemerosotan ekonomi.

Kepada satu soalan lain, beliau berkata Malaysia telah melepasi pengalaman yang terburuk tetapi tidak dapat menyatakan sama ada keadaan adalah sama di negara lain yang turut terjejas dengan kegawatan ekonomi.

Beliau menarik perhatian bahawa baru-baru ini negara-negara yang terjejas dengan kegawatan itu telah diserang, dan jika serangan itu serupa dengan yang dilakukan pada 1997/1998, maka rantau itu boleh menjangkakan akan dilanda kegawatan sekali lagi.

Untuk mengatasi masalah itu, kata Perdana Menteri, kerangka kewangan dunia harus diubah supaya para pedagang matawang tidak dibiarkan bebas mengendalikan sejumlah besar wang untuk menggoncang kerajaan dan mentidakstabilkan ekonomi.

--BERNAMA

AHH RON